



PPV swasta tidak boleh dikenakan sebarang caj pemberian vaksin



KHAIRY JAMALUDDIN

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM 24 Jun 2021, 8:48 pm

PUTRAJAYA: Semua pengamal perubatan swasta yang terlibat sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) tidak boleh mengenakan sebarang bayaran kepada orang ramai untuk imunisasi Covid-19.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin menegaskan, tiada kos rundingan juga boleh dikenakan oleh pengamal perubatan swasta ke atas orang ramai yang hadir atas janji temu yang diberikan untuk divaksinasi.

"Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa suntikan vaksin di bawah PICK adalah diberikan percuma kepada semua penduduk Malaysia," katanya dalam kenyataan hari ini.




Khairy berkata, prinsip sama juga terpakai untuk program PPV Industri di bawah PICK Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) yang telah digerakkan untuk mengawal penularan wabak Covid-19 melalui Fasa 4.

Beliau berkata, vaksin dibekalkan secara percuma di bawah PIKAS dan kos pentadbiran vaksin perlu ditanggung majikan di mana kos tersebut merangkumi penyediaan PPV dikendalikan pihak swasta dan perkhidmatan pengamal perubatan swasta.

"Majikan dilarang memindahkan kos pentadbiran vaksin kepada pekerja melalui potongan gaji pekerja berkenaan.

"Orang ramai dinasihatkan untuk tidak berurusan dengan sesiapa yang menawarkan pembelian vaksin dan

sebaliknya terus melaporkan perkara tersebut kepada polis," katanya.




Menurut Khairy, terdapat beberapa jenis PPV yang dikendalikan pengamal perubatan swasta di bawah ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd., sebuah syarikat bukan berasaskan keuntungan milik Kementerian Kesihatan.


Katanya, PPV tersebut adalah PPV Pengamal Perubatan Am Swasta, PPV Hospital Swasta, PPV Klinik Pakar, PPV Pusat Jagaan Ambulatori dan PPV Industri.- UTUSAN ONLINE

BERITA SELANJUTNYA


by




Potong kemaluan sendiri
sampai putus




This Bitcoin App Earns
Him RM451,857 /mo




Sembang lucah dengan
kanak-kanak bawah um...




Inilah Cara Menjana
Wang dengan Bitcoin




Duit berlakon tak berkat?
Ini jawapan Cik Man




Jangan guna nama saya
untuk sekolah bila saya...



PICK masih dibuka untuk



Warga emas tidak perlu




Teori Covid-19 dicipta



POPULAR

**Letak jawatan Presiden jalan terbaik**

25 Jun 2021, 9:43 am

**Menangani keganasan rumah tangga**

25 Jun 2021, 9:35 am

**Kenali kod plastik bekas makanan anda!**

25 Jun 2021, 9:31 am

**Wanita maut tersepit, van dinaiki terbabas dalam parit**

25 Jun 2021, 9:31 am





'Saya belanja jika tak mampu beli durian'

Itali bangkit daripada lina

Tubuh SPV untuk ambil alih NPL PKS

Kawal emosi ketika bekerja dari rumah

Astro, Netflix meterai perjanjian

BTS mahu pastikan peminatnya tidur nyenyak

BERITA BERKAITAN





Letak jawatan Presiden jalan terbaik

25 Jun 2021, 9:43 am



Wanita maut tersepit, van dinaiki terbabas dalam parit

25 Jun 2021, 9:31 am



Suami isteri beza ketinggian pecah rekod dunia

25 Jun 2021, 9:30 am





Harap kerajaan dengar rintihan warga MAHB agar LTSAAS tidak dijual – Zambry

25 Jun 2021, 9:19 am



PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami